



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 14 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/1/2024


BIL	PERKARA	SUMBER
1	MINISTER PRESENTS AID TO FAMILY OF LATE NURHASLINDA	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/minister-presents-aid-to-family-of-late-nurhaslinda/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	REMAJA 15 TAHUN GALAS TUGAS JAGA IBU, AYAH SAKIT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1050202/remaja-15-tahun-galas-tugas-jaga-ibu-ayah-sakit	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	739 PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI PAHANG	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/739-penduduk-terjejas-banjir-di-pahang	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PELAJAR MANGSA SERANGAN SEKSUAL BAPA SAUDARA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/11/495838/pelajar-mangsa-serangan-seksual-bapa-saudara	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PENJARA 7 TAHUN, SEBATAN ANGKARA CABUL KANAK-KANAK WARGA AUSTRALIA	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/226885/penjara-7-tahun-sebatan-angkara-cabul-kanak-kanak-warga-australia/	DAILYEXPRESS.COM.MY



Minister presents aid to family of late Nurhaslinda

News Desk Sarawak News 13 January 2024 8 hours ago



Nancy (third left) witnesses a representative from SOCSO handing over the donation to Abdullah.

BY JASNITA AHMAD RANDURAH

KUCHING: Minister of Women, Family, and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri visited the family of the late Nurhaslinda Abdullah at Taman Dahlia, Matang here last Thursday.

The purpose of the visit was to hand over the donation of RM5,000 and the remaining money donated by Malaysians as well as present the Penakat Pension and Social Security Organisation (SOCSO) Funeral Management Benefit to the next-of-kin.

Nancy said the contribution was a promise to the family of the late Nurhaslinda even before the crowdfunding.

"I contributed RM5,000 in aid because I know they need the assistance. That was planned before crowdfunding because even though there was crowdfunding, the family still needs it," she said.

According to the late Nurhaslinda's father Abdullah Mat, the crowdfunding was very helpful in facilitating to bring his daughter back to the homeland.

He said the total crowdfunding collection was as much as RM69,000 which was successfully collected within a span of approximately seven hours from generosity of Malaysians.



Abdullah (left) expresses his heartfelt gratitude to Nancy and fellow Malaysians.

"I feel sadness mixed with joy. I would like to thank Nancy, friends, and all Malaysians, not forgetting the Metro team as well, because this help has brought my beloved daughter back to her homeland," he said.

Abdullah revealed that his family has tried to contact the authorities to help them in managing the matter.

However, not much was done until a friend suggested for his family to contact Nancy, who together with her officers managed the matter from start to finish.

"We are waiting for the death certificate from the hospital in South Korea to be issued, so the responsible party is still in contact with the Malaysian embassy there," he said.

Abdullah said his late daughter wanted to find work in South Korea and had flown there in September last year.


On Dec 25, the late Nurhaslinda called her brother earlier that day saying she was not feeling well.

"She asked her brother to buy a ticket to return to Kuching but was unable to since later that same day, we received news from her friend that she breathed her last at 7.58 pm Malaysia time," he said.

Meanwhile, Nancy expressed hopes that cases like these will not be delayed and that the responsible party will take appropriate measures efficiently and quickly.

"I hope this kind of case will not be postponed again, even if not planned. The responsible party must act efficiently and quickly. I see this is what the P193 Santubong Parliamentary office did regarding the death of Nurhaslinda Abdullah," she said.

This article was written by a student from the Strategic Communication Programme at the Faculty of Education, Language and Communication, UNIMAS.



Remaja 15 tahun galas tugas jaga ibu, ayah sakit

Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my



Aiman Ikhwan Arman (Kiri) bersama ibu bapanya Mazliana, Arman dan abangnya, Aiman Irfan dan adiknya, Aina Najwa. FOTO IHSAN Natipah Abu

Alor Setar: Setiap pagi, Aiman Ikhwan Arman, 15, akan menguruskan ibunya, Mazliana Jamaluddin, 39, yang terlantar sakit akibat ketumbuhan di kepala sebelum ke sekolah.

Rutin harian itu dilakukannya seorang diri memandangkan bapanya, Arman Othman, 49, yang menghidap angin ahmar tidak mampu melakukan kerja berat manakala abang sulungnya, Aiman Irfan, 20, pula orang kurang upaya (OKU) sejak kecil.

Aiman Ikhwan yang juga anak kedua dari tiga beradik adalah pelajar tingkatan tiga, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu 5, Gurun berkata, setiap pagi selepas solat Subuh, dia akan lap badan ibunya sebelum menukar lampin pakai buang serta menyuap minuman susu formula khas untuk ibunya sebelum ke sekolah.

Katanya, dia dan adik bongsu, Aina Najwa, 10 tahun menaiki van ke sekolah tetapi mereka bersyukur kerana pemilik van itu tidak pernah mengambil tambang.

"Ibu saudara yang tinggal berhampiran kawasan rumah kami di Taman Ria Mesra di Gurun akan datang melihat keadaan emak sehinggalah saya pulang dari sekolah.

"Sebelum ini emak sering mengadu sakit kepala dan disangka hanya mengalami migrain namun sejak tiga tahun lalu, keadaannya semakin teruk hingga diserang sawan selain matanya juling dan kabur," katanya ketika dihubungi hari ini.

Menurut Aiman Ikhwan, selepas ujian pemeriksaan Imbasan Pengimejan Resonas Magnetik (MRI), doktor mengesahkan ibunya menghidap ketumbuhan di kepala dan perlu menjalani pembedahan.

"Ibu menolaknya kerana tiada siapa yang akan menjaga kami disebabkan bapa yang bekerja di sebuah kilang baja diserang angin ahmar hinggalah tidak berdaya untuk bekerja.

"Ayah tidak lagi seperti dulu namun bersyukur dia masih boleh mengurus diri walau hanya dalam rumah.

"Saya terpaksa ponteng sekolah apabila emak dimasukkan ke wad atau keadaan kesihatannya tidak menentu dan pihak sekolah sudah tahu perkara itu," katanya

Menurutnya lagi, ibunya dimasukkan ke wad Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) sejak Selasa lalu berikutan kesihatannya merosot.

"Sekarang ini saya masih di wad HSB menguruskan emak. Lepas ini, ibu saudara pula supaya saya boleh pergi sekolah.

"Saya bersyukur ada ibu saudara banyak membantu.

"Mujur juga ada wang dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang ayah dapat setiap bulan serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Wang itu digunakan untuk bayar sewa rumah, bil ratawan serta susu formula khas yang mahal," katanya.

Sehubungan itu, orang ramai boleh menyalurkan sumbangan melalui akaun bank 152125122863 (Maybank) Mazliana Jamaluddin.



739 penduduk terjejas banjir di Pahang

Kategori: Nasional - Kemas kini: 13 Januari 2024 12:28 PM - Jumlah kunjungan: 94



Keadaan banjir di Pahang


KUANTAN, 13 Januari- Seramai 739 penduduk terjejas banjir di Pahang daripada 219 keluarga masih berlindung di tujuh pusat perlindungan sementara (PPS) yang di tiga daerah setakat pukul 12.00 tengahari tadi.

Daerah terlibat ialah Rompin, Pekan dan Maran.

Menurut Info Bencana JKM, penduduk terjejas banjir paling ramai adalah di Pekan melibatkan 570 orang yang berlindung di tiga PPS.

Diikuti Rompin iaitu seramai 165 orang berlindung di tiga PPS.

Sementara itu di Maran empat orang melibatkan satu PPS iaitu Balairaya Kampung Baru Pertanian.



Pelajar mangsa serangan seksual bapa saudara

Zatul Iffah Zolkipli - November 8, 2018 @ 5:32pm
cnews@nstp.com.my



SUSPEK direman selama tujuh hari sehingga Rabu depan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 14(B) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. - Foto Zatul Iffah Zolkipli

KUALA TERENGGANU: Seorang pelajar Tingkatan Dua menjadi mangsa serangan seksual bapa saudaranya selepas dipaksa memegang kemaluan lelaki terbabit dalam kejadian di Kuala Nerus, Isnin lalu.

Selain itu, remaja perempuan berusia 14 tahun itu diugut bunuh sekiranya dia membuat bising dalam kejadian kira-kira jam 9.30 malam itu.

Menurut sumber, mangsa yang berseorangan di rumah didatangi suspek berusia 20-an manakala ahli keluarganya yang lain pergi melawat ibu saudara mangsa yang juga isteri suspek.

Katanya, suspek memberi alasan mahu memberi barang kepada ibu mangsa dan remaja terbabit yang tidak mengesyaki apa-apa membenarkan suspek masuk ke dalam rumah.

"Suspek bertindak mengambil sehelai kain dan menutup mulut anak saudaranya itu sebelum menolak mangsa di sofa di ruang tamu selain turut mengugut akan membunuh mangsa sekiranya dia membuat bising dan memaksa remaja itu memegang kemaluannya.

"Mangsa enggan menuruti kemahuan suspek namun terpaksa akur dan suspek beredar meninggalkan mangsa tidak lama kemudian," katanya.

Sumber berkata, mangsa yang ketakutan keluar dari rumahnya dan menghubungi bapanya menggunakan telefon orang awam yang ditemuinya di tepi jalan lalu menceritakan perbuatan suspek.

Katanya, susulan kejadian itu, satu laporan dibuat di Balai Polis Gong Badak esoknya untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret Kuala Terengganu, Noradila Ab Latiff, membenarkan suspek direman selama tujuh hari sehingga Rabu depan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 14(B) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.



Penjara 7 tahun, sebatan angkara cabul kanak-kanak warga Australia

Published on: Saturday, January 13, 2024
By: Lagatah Toyos

Text Size: + - Dark Mode: Off



NIELHAN ketika dibawa keluar dari bilik bicara selepas dijatuhkan hukuman.

TAWAU: Seorang pekerja kontrak pembinaan resort dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan dikenakan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas kesalahan melakukan serangan seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak warga Australia berusia sembilan tahun di pulau Mabul, Semporna.

Nielhan Abdullah, 25, yang tidak mempunyai dokumen mengaku bersalah di hadapan Hakim Rosli Ahmad, melakukan perbuatan itu di dalam bilik di Villa 7, Borneo Divers Mabul Resort, pukul 7.45 petang, pada 2 Okt, 2022.

Nielhan, bapa kepada tiga anak, pada mulanya diperintahkan membela diri pada Jumaat tetapi memaklumkan mahkamah bahawa dia ingin menukar pengakuannya kepada bersalah terhadap pertuduhan itu.

Berdasarkan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwa, Nielhan ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) Pulau Mabul pada jam 3.30 pagi hari sama susulan laporan polis dibuat bapa kanak-kanak itu, 52, selepas diberitahu oleh anak perempuannya tentang kejadian tidak senonoh berkenaan.

Siasatan mendapati, sebelum kejadian, mangsa bermain dengan kucing seorang diri sebelum dihipnotis Nielhan yang bertanyakan mangsa sama ada mahu melihat kucing putih.

Mangsa bersetuju dan mengikut Nielhan ke sebuah bilik di resort berkenaan dan kemudian berpura-pura mencari kucing apabila sampai di bilik itu.

Nielhan turut bertanyakan jantina mangsa sebelum menyuruhnya berbaring di atas tilam selepas mangsa memberitahu dia seorang perempuan.

Nielhan kemudian mencabul mangsa dan turut memberitahunya agar tidak memberitahu sesiapa tentang kejadian itu sebelum keluar dari bilik.

Mangsa memberitahu bapanya tentang kejadian itu.

Mahkamah diberitahu mangsa mengenal pasti Nielhan semasa kawad cam yang dijalankan pada 3 Okt, 2022.

Timbalan Pendakwa Raya Mohd Syahnidzam Ahmad meminta hukuman lebih berat sebagai pengajaran kepada Nielhan.

Katanya, jenayah yang dilakukan Nielhan itu adalah serius kerana membabitkan kanak-kanak yang masih trauma walaupun mereka sudah pulang ke Australia.

"Hakikatnya, pendakwa tidak nampak ada unsur keinsafan dalam diri Nielhan kerana tidak menyerah diri, sebaliknya melarikan diri selepas kejadian itu," katanya.

Nielhan didakwa di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Dia juga diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun dan diperintahkan dirujuk ke Jabatan Imigresen selepas menamatkan hukumannya.

Nielhan diwakili peguam Datu Baginda Datu Laja.



TAJUK : DUGAAN 2 BERADIK

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 14 JAN 2024

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Noorazura Abdul Rahman

am@hmetro.com.my

Gurun

Ketika rakan sebaya mereka menikmati zaman persekolahan dengan kegembiraan, dua beradik berusia 14 dan sembilan tahun terpaksa melupakan detik indah itu dengan berkorban menjaga ibu dan ayah yang sakit kronik serta seorang abang orang kelainan upaya (OKU).

Pengorbanan itu dilakukan dengan rasa penuh kasih sayang tidak terhingga oleh dua beradik itu demi keluarga tercinta.

Aiman Ikhwan Arman dari Taman Ria Mesra di sini sepatutnya menduduki peperiksaan akhir tahun tidak dapat berbuat demikian selepas perlu menjaga ibunya, Mazliana Jamaluddin, 39, yang baru menjalani pembedahan membuang tumor otak bulan lalu dan tempurung kepala bahagian kiri beberapa hari lalu.

Manakala Aina Najwa atau lebih mesra dipanggil Wawa pula terpaksa menjaga ayahnya Arman Othman, 49, kerana angin ahmar atau strok serta abang sulung mereka Aiman Irfan, 20, yang OKU (lembam).

Menurut Aiman Ikhwan, dia perlu berada di hospital kerana ibunya memerlukan penjagaan rapi seperti memberi susu kepada ibunya setiap tiga jam selama tujuh kali sehari selain menukar lampin pakai buang.

Katanya, dia hanya sempat menduduki peperiksaan subjek Bahasa Malaysia (BM) pada Khamis minggu



DARI kiri, Arman, Aiman Irfan, Mazliana, Aina Najwa dan Aiman Ikhwan ketika ditemui di kediaman mereka.

DUGAAN 2 BERADIK

Ambil tanggungjawab jaga ibu, ayah sakit kronik serta abang OKU

lalu sebelum ibunya terpaksa menjalani pembedahan membuang tempurung kepala.

"Ibu disahkan menghidap tumor otak pada Mac 2016 selepas kerap sakit kepala sehingga mata kirinya semakin kabur selain kerap diserang sawan namun kerana memikirkan tanggungjawabnya menghantar dan menjemput kami di sekolah dia sanggup tangguh pembedahan.

"Lebih menyedihkan kami pada Oktober 2017, ayah diserang angin ahmar di rumah selepas pulang dari bekerja dari sebuah ki-

lang di Gurun, dia lumpuh bahagian kanan badan selain menyebabkan pertuturannya juga tidak jelas," katanya yang juga anak kedua daripada tiga beradik.

Ber cerita lanjut, Aiman Ikhwan berkata, ibunya menjalani pembedahan membuang ketumbuhan pada 17 Disember lalu selepas dinasihatkan doktor berikutan saiznya yang semakin membesar.

Katanya, selepas pembe-

dahan, keadaan ibunya sangat lemah dan doktor maklumkan ibu perlu jalani pembedahan untuk membuang tempurung kepala berikutan keadaan otaknya yang bengkak.

"Ibu saya jalani pembedahan kedua Selasa lalu, jadi saya terpaksa jaga ibu di sini, dia terlanjar dan tak mampu uruskan diri sendiri.

"Adik beradik sebelah ibu banyak membantu, mereka sediakan makanan untuk

keluarga saya selain membantu membeli susu dan barang keperluan lain untuk ibu hasil sumbangan orang ramai, mereka juga ada anak-anak yang masih kecil...nak urus ibu pun memerlukan kudrat yang kuat, sebab itulah saya yang sanggup jaga ibu," katanya.

Sementara itu, ibu saudaranya, Noorsayani Jamaluddin, 44, berkata adiknya perlu minum susu khas berharga RM50 satu tin yang hanya digunakan untuk sehari.

Katanya, untuk sebulan RM1,500 diperlukan untuk susu sahaja tidak termasuk

lampin pakai buang dan keperluan lain yang mencecah lebih RM2,000 sebulan.

"Suami adik saya (Arman) ada terima Pencen Ilat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebanyak RM700 sebulan, manakala Mazliana terima bantuan bulanan sebanyak RM450 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sebanyak RM200.

"Duit itu juga digunakan untuk membayar ansuran beli rumah sebanyak RM250 sebulan dan utiliti serta perbelanjaan anak-anak bersekolah. Memang tak cukup untuk mereka, duit itu jugalah digunakan untuk berulangkali ke hospital," katanya.

Noorsayani berkata, dia bersedia menjaga Mazliana apabila dia dibenarkan pulang ke rumah seperti yang dilakukan sebelum ini.

"Selepas pembedahan buang tumor bulan lalu, saya bawa adik saya tinggal di rumah saya yang berdekatan dengan rumahnya, saya masak dan anaknya akan makan di rumah saya.

"Apabila Mazliana di hospital, anaknya Wawa akan jaga ayahnya di rumah, dia sudah pandai cuci pakaian dan suap ayahnya makan, walaupun baru berusia sembilan tahun, Wawa sangat rajin membantu dan sudah tahu tugasnya setiap hari selepas pulang dari sekolah," katanya.

Bagi orang ramai yang ingin membantu keluarga ini, mereka boleh dihubungi menerusi nombor telefon 0125767321 atau menerusi akaun Maybank Mazliana, 152125122863.

“
Saya terpaksa jaga ibu. Dia terlanjar dan tak mampu uruskan diri sendiri
”
Aiman



TAJUK : COUNSELLING CRUCIAL FOR CARETAKERS OF ELDERLY FOLKS, SAYS REP

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 14 JAN 2024

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



See stands next to a visitor, who is undergoing a blood pressure check at a counter set up for the health screening programme.

Counselling crucial for caretakers of elderly folks, says rep

By **Sam Chua**
reporters@theborneopost.com

KUCHING: Psychiatric counselling is important for caretakers of senior citizens to ensure that they can cope with the emotional stress that comes with the job, says Batu Lintang assemblyman See Chee How.

According to him, providing care to the elderly folks at home has always been a challenge, and

the necessary emotional support must be made available to all parties.

"It is not easy to care for elderly people and some caretakers may even suffer from depression or stress," he said when met by reporters during a health screening programme run by his office at the Sungai Maong multipurpose hall here yesterday.

Adding on, See said his office would be funding health

screening programmes held at various locations every two months, offering counselling services to those in need of it, as well as making glucose and blood pressure monitoring available.

"Psychiatric counselling is quite important as people tend to forget about this aspect.

"People always don't admit that they have emotional issues, and they are not familiar with them. So, we have counsellors to come in and talk with them," he

added.

On the health screening yesterday, See said the target was to host some 200 senior citizens from the surrounding neighbourhoods.

A similar programme took place at an old folks' home at Jalan Ong Tiang Swee last year.

These health screenings are being conducted in collaboration with the Sarawak United National Youth Organisation (Saberkas) Batu Lintang branch.



TAJUK :	COUNSELLING CRUCIAL FOR CARETAKERS OF ELDERLY FOLKS, SAYS REP		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	THE SUNDAY POST
TARIKH :	14 JAN 2024	M/SURAT :	01
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



See stands next to a visitor, who is undergoing a blood pressure check at a counter set up for the health screening programme.

Counselling crucial for caretakers of elderly folks, says rep

By **Sam Chua**
reporters@theborneopost.com

KUCHING: Psychiatric counselling is important for caretakers of senior citizens to ensure that they can cope with the emotional stress that comes with the job, says Batu Lintang assemblyman See Chee How.

According to him, providing care to the elderly folks at home has always been a challenge, and

the necessary emotional support must be made available to all parties.

"It is not easy to care for elderly people and some caretakers may even suffer from depression or stress," he said when met by reporters during a health screening programme run by his office at the Sungai Maong multipurpose hall here yesterday.

Adding on, See said his office would be funding health

screening programmes held at various locations every two months, offering counselling services to those in need of it, as well as making glucose and blood pressure monitoring available.

"Psychiatric counselling is quite important as people tend to forget about this aspect.

"People always don't admit that they have emotional issues, and they are not familiar with them. So, we have counsellors to come in and talk with them," he

added.

On the health screening yesterday, See said the target was to host some 200 senior citizens from the surrounding neighbourhoods.

A similar programme took place at an old folks' home at Jalan Ong Tiang Swee last year.

These health screenings are being conducted in collaboration with the Sarawak United National Youth Organisation (Saberkas) Batu Lintang branch.